

## LAMPIRAN A

### Log Kerja Lapangan

<u>Tarikh</u>	<u>Aktiviti</u>
5-1-98 (Isnin)	Hari pertama memasuki bilik guru dan berkenal-kenalan dengan guru-guru di SKSJ.  Selepas itu pengkaji telah mengikuti Puan Salmah memasuki kelas 5S. Duduk di hadapan mengadap murid dan memerhatikan mereka sahaja.  Cuba mewujudkan hubungan mesra dengan murid kelas 5S dan membiasakan mereka dengan diri pengkaji.
6-1-98 (Selasa)	Memasuki kelas 5L menggantikan Puan Salmah dan mengambil kesempatan tersebut untuk berkenal-kenalan dengan murid kelas 5L  Membantu guru kelas memilih ketua kelas dan penolong ketua kelas di kelas 5L di samping berkenal-kenalan dengan murid kelas ini.
7-1-98 (Rabu)	Masuk ke kelas 5S dan mula memerhatikan murid belajar.  Masuk ke kelas 5L dan memerhatikan murid belajar. Murid-murid di kelas 5L nampaknya susah hendak membuka mulut. Oleh itu, pengkaji membuat keputusan untuk memilih peserta dari kelas 5S sahaja.
8.1.98 (Khamis)	Sebelum masuk kelas, pengkaji telah menemu bual guru kelas 5S secara tidak formal di dalam bilik guru.  Masuk ke kelas 5S dan mula meletakkan pita rakaman di hadapan kelas bagi membiasakan murid dengan alat tersebut. Mula mengenalpasti peserta kajian di kelas 5S. Peserta kajian itu nampak aktif dan cara mereka menjawab soalan guru menunjukkan kematangan pemikiran mereka.
12-1-98 (Isnin)	Masuk ke kelas 5S. Mula menumpukan perhatian kepada peserta kajian, sambil meletakkan pita rakaman di hadapan kelas.  Memasuki kelas 5L semasa guru sedang mengajar. Di samping itu, pengkaji cuba mengenalpasti murid yang sesuai untuk dijadikan peserta kajian. Selepas memerhati, pengkaji membuat keputusan untuk hanya memilih murid dari kelas 5S kerana murid di kelas 5L adalah pendiam dan kurang aktif.

13-1-98 (Selasa)	<p>Memasuki kelas 5S. Mula merakam dan mula membuat catatan lapangan yang sebenar.</p> <p><b>Tajuk Pelajaran:</b> Perasmian Bangunan Sekolah</p> <p>Selepas loceng akhir berbunyi, pengkaji telah menemu bual Salmah dan Kasim.</p>
21-1-98 (Rabu)	<p>Membuat pemerhatian dan membuat catatan lapangan.</p> <p><b>Tajuk:</b> Memahami Laporan - Perlumbaan Kereta Formula Satu.</p> <p>Selepas rehat, pengkaji telah meneliti catatan lapangan.</p> <p>Selepas loceng akhir berbunyi, Kasim telah ditemu bual di dalam bilik sumber. Ini diikuti dengan temu bual dengan Salmah pula.</p> <p>Pada waktu malam rakaman yang dibuat pada siang hari, mula ditranskripsikan.</p>
22-1-98 (Khamis)	<p>Membuat pemerhatian di kelas 5S dan mencatatkan apa yang diperhatikan.</p> <p><b>Tajuk Pelajaran:</b> Rencana tentang labah-labah</p> <p>Selepas rehat pengkaji telah membantu pihak sekolah membuat persediaan upacara khatam Quran murid SKSJ.</p> <p>Malam membuat transkripsi rakaman dan meringkaskan hasil data yang telah diperoleh.</p>
5-2-98 (Khamis)	<p>Membuat pemerhatian di kelas 5S sambil membuat catatan lapangan.</p> <p><b>Tajuk Pelajaran:</b> Rencana Bahaya Merokok.</p> <p>Selepas waktu rehat, pengkaji telah mengantikan seorang guru di kelas 6A.</p> <p>Selepas loceng terakhir berbunyi, pengkaji telah menemu bual kedua-dua peserta kajian.</p> <p>Malam – meringkaskan data yang telah diperoleh dan membuat transkripsi rakaman.</p>
9-2-98 (Iasnin)	<p>Membuat pemerhatian di kelas 5S, sambil membuat catatan lapangan.</p> <p><b>Tajuk Pelajaran:</b> Memahami Pelan.</p> <p>Selepas waktu sekolah, pengkaji telah menemu bual kedua-dua peserta kajian.</p> <p>Malam membuat transkripsi rakaman dan meringkaskan data</p>

11-2-98 (Rabu)	<p>Sebelum masuk ke kelas, pengkaji telah menemu bual Puan Salmah.</p> <p>Membuat pemerhatian di kelas 5S dan mencatatkan hasil pemerhatian.</p> <p>Tajuk Pelajaran: Memberi Pendapat Tentang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).</p> <p>Selepas waktu rehat, meneliti catatan lapangan.</p>
12-2-98 (Khamis)	<p>Sebaik sahaja loceng terakhir berbunyi, pengkaji telah menemu bual peserta kajian pertama dan kedua.</p> <p>Malam – menghabiskan kerja-kerja transkripsi. Ini diikuti pula dengan kerja membuat ringkasa terhadap data yang telah diperoleh.</p>
19-2-98 (Khamis)	<p>Membuat pemerhatian di kelas 5S. Guru menyambung pelajaran semalam iaitu memberi pendapat tentang PBB. Ini diikuti dengan pengajaran tatabahasa pula.</p> <p>Selepas rehat membantu guru besar memerhatikan perjalanan kelas pemulihan.</p> <p>Waktu akhir, kedua-dua peserta kajian telah ditemu bual.</p> <p>Malam – membuat transkripsi rakaman.</p>
23-2-98 (Isnin)	<p>Membuat pemerhatian dan mencatatkan apa yang diperhatikan di kelas 5S.</p> <p>Tajuk Pelajaran: Sekolah Bistari.</p> <p>Pada hari ini murid kelas 5S sibuk dengan persediaan Hari Bahasa Inggeris. Oleh itu pelajaran banyak kali terganggu. Pengkaji mengambil keputusan untuk tidak menemu bual peserta kajian.</p> <p>Malam – membuat transkripsi rakaman, meringkaskan data dan membuat pengekodan.</p> <p>Membuat pemerhatian di kelas 5S sambil membuat catatan terhadap apa yang diperhatikan.</p> <p>Tajuk Pelajaran: Memahamkan Surat Kiriman - Rasmi dan Tidak Rasmi.</p> <p>Selepas waktu rehat menggantikan Puan Salmah di kelas 5S. Menggunakan peluang tersebut bagi berkenal-kenalan lebih dekat dengan murid di kelas 5S</p> <p>Selepas waktu sekolah, menemu bual peserta kajian.</p>

Malam – mentranskripsikan rakaman, meringkaskan data-data yang diperoleh, dan membuat pengekodan tentang kesedaran peserta kajian terhadap strategi yang mereka gunakan.

- 24-2-98 Membuat pemerhatian di kelas 5S dan membuat catatan lapangan.  
(Selasa)

Tajuk Pelajaran: Memahamkan rencana – Berbagai jenis tajuk.

Sumber: Kad bacaan.

Selepas waktu rehat, menolong pihak sekolah mengetip kertas kerja untuk kursus motivasi murid.

Sebaik sahaja loceng terakhir berbunyi, pengkaji telah menemu bual kedua-dua peserta kajian.

Malam – Membuat transkripsi rakaman, membuat ringkasan terhadap data yang diperoleh.

- 2-3-97 Berjumpa dengan pensyarah penyelia dan membincangkan hasil penemuan dengan beliau.  
( Isnin )

- 7-7-98 Meringkaskan penemuan dan mengekodkannya.  
( Sabtu )  
Menyalinkan dapatan penting ke dalam kad indeks.  
Biru untuk peserta kajian yang pertama.  
Merah untuk peserta kajian yang kedua.  
Kuning untuk guru.

- 8-3-98 Menyertai kem motivasi SKSJ.  
( Ahad )

- 9-3-98 Membuat pemerhatian tambahan di kelas 5S seperti yang dicadangkan oleh penyelia.  
( Isnin )

Tajuk Pelajaran: Pantun Nasihat.

- 10-3-98 Membuat pemerhatian tambahan di kelas 5S dan mencatatkan apa yang diperhatikan.  
( Selasa )

Tajuk Pelajaran: Memahami Puisi ( Sajak Nelayan )

Selepas rehat, meneliti catatan lapangan.

Apabila loceng terakhir berbunyi, kedua-dua peserta kajian telah ditemu bual.

Malam – membuat transkripsi rakaman.

- 11-3-98      Membuat pemerhatian tambahan di kelas 5S sambil membuat catatan lapangan.  
(Rabu)
- Tajuk Pelajaran: Memahami Puisi (Pantun Nasihat)  
Selepas waktu sekolah – Menemu bual peserta kajian.
- 12-3-98      Menyudahkan kerja membuat transkripsi rakaman.  
(Selasa)
- Meneliti data-data sambil meringkaskan mana-mana data yang belum diringkaskan lagi. Ini diikuti dengan membuat pengkodan pula.
- 13-3-98      Membentangkan data dan merangka cara-cara untuk menulis laporan..  
(Rabu)

## LAMPIRAN B

### Tajuk Pelajaran

Tarikh	Tajuk Pelajaran
13 Januari 1998	Perasmian Bangunan Sekolah.
21 Januari 1998	Memahami Laporan - Perlumbaan Kereta Formula Satu
22 Januari 1998	Rencana - Labah-Labah
5 Februari 1998	Rencana - Bahaya Merokok
9 Februari 1998	Memahami Pelan
11 Februari 1998	Memberi Pendapat - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
12 Februari 1998	(Guru menyambung pelajaran seimalam dan diikuti dengan pengajaran tatabahasa)
19 Februari 1998	Memahami Cerita - Sekolah Bistari
23 Februari 1998	Memahamkan Surat Kiriman - Rasmi dan Tidak Rasmi
24 Februari 1998	Rencana - Pelbagai tajuk daripada kad bacaan.
9 Mac 1998	Memahami Puisi – Pantun Nasihat
10 Mac 1998	Memahami Puisi - Sajak

## LAMPIRAN C

### Contoh Temu bual dengan Peserta Kajian 1

**Tarikh:** 10 Mac 1998  
**Hari:** Selasa  
**Waktu:** 9.10 – 10.10  
**Tajuk:** Memahami puisi: Sajak  
**Sumber:** Buku Motivasi BM

P: Ha... tadi Kasim dah belajar tentang apa?

PK1: Sajak.

P: Sajak apa?

PK1: Sajak tentang nasib nelayan.

P: O... apa bezanya sajak dengan petikan hari tu?

PK1: Macam rencana tu dia menceritakan tentang apa yang terjadi, tapi sajak ni dia meluahkan perasaan bila penulis tu mengalami sesuatu kejadian.

P: Meluahkan?

PK1: Ha... biasanya kalau rencana tu, cerita dia tentang cerita orang lain. Bukan cerita tentang perasaan penulis dia.

P: Iakah?

PK1: Tu yang selalu saya jumpalah.

P: O... Dalam sajak yang Kasim dah baca tadi tu, apakah agaknya yang penyajak nak luahkan?

PK1: Tentang nasib nelayan.

P: Nasib nelayan?

PK1: Ha... a... tentang kesusahan golongan nelayan.

P: Mana Kasim tahu hidup dia susah?

PK1: Ni dalam sajak ni ada kata "anak warisan nelayan".

P: Mengapa pula Kasim kata nasib nelayan tu susah?

PK1: Sebab dalam perenggan dua tu dia kata “Ku hadapi penuh cabaran, anak warisan nelayan berani mati bertarung maut, mendepani cabaran dalam kehidupan”.

P: O... Kasim tengok dalam bait kedua tulah?

PK1: Lagipun saya pernah tengok rumah nelayan, kecil dan kayu dia jarang-jarang.

P: Dekat mana tu?

PK1: Pulau Pangkor.

P: Kampung Kasim dekat situakah?

PK1: Tak keluarga saya makan angin dekat sana.

P: Ia? Habis tu kenapa pula?

PK1: Maknanya bila cerita nelayan tu memang susahlah .

P: Iakah?

PK1: Ialah hidup mereka tu orang kata apa tu ha...kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ha...macam tulah.

P: Ha...tadi saya tengok Kasim bukan main gembira lagi menjawab soalan ha...bahagian memberi pendapat tu. Sebab apa?

PK1: Sebab soalan tu mudah.

P: Sebab apa Kasim kata soalan tu mudah?

PK1: Sebab kita boleh buat ayat sendiri daripada petikan tu.

P: Daripada petikan?

PK1: Ha...a... macam dalam soalan 5 tu dia tanya pendapat kita tentang sebab-sebab penulis nak memajukan kampung dia kan. Jadi kita boleh pilih mana-mana jawapan. Lepas tu kita buat ayat kita.

P: Boleh buat mana-mana ayatlah?

PK1: Tak maksud saya ayat yang berkaitanlah.

P: Misalnya?

PK1: Macam ‘untuk menarik pelancong’ atau kita boleh juga pilih ha...macam ‘untuk menambah pendapatan anak watan’.

P: Bahagian isi penting tu macam mana pula?

PK1: Nak cari isi penting tu bolehlah.

P: Bolehlah macam mana tu?

PK1: Mula-mula kita cari isi-isi yang menceritakan tentang cerita itulah. Lagipun isi penting tu boleh merangkum semua isi-isi tu.

P: Jadi isi apa yang Kasim pilih tadi?

PK1: Cerita tentang hasrat penulis yang hendak memajukan kampungnya.

P: Kenapa pilih ayat yang itu, tak ayat lain?

PK1: Sebab soalan tu berkaitan dengan hasrat penulis yang hendak memajukan kampung dia. Dalam perenggan satu tu penulis tak ada cerita apa-apa pun tentang hasrat dia.

P: Habis perenggan satu tu cerita tentang apa pula?

PK1: Lebih kepada asal usul penulis.

P: Mana pula tahu itu isi penting?

PK1: Saya tengoklah macam “Di pantai ini aku dilahirkan”. Jadi saya ambil “Penulis itu dilahirkan di sini. Ni ada gambar. Kalau ada gambar senang sikit.

P: O... tengok gambar. Macam mana pula gambar tu membantu?

PK1: Ialah, dalam sajak tu penulis kata dia nak tinggalkan hidup nelayan dan nak jadikan kampung dia tu pusat pelancongan.

P: O... macam tu. Ha..tadi Kasim kata dalam bait yang pertama tu ada dua isi penting, jadi isi apa yang Kasim pilih lagi?

PK1: Ni hidup dia susah. Angin tolak kuat.

P: Angin tolak kuat?

PK1: Selalu ributlah. Ombak tinggi dan deras.

P: Mana Kasim tahu pula tu?

PK1: Ni ada tulis “ada angin menerpa, memuja memuji yang maha berkuasa sepanjang masa”.

P: Tak ada kata ombak tinggi dan deras pun?

PK1: Ni “memuja dan memuji yang maha berkuasa” tu maksud dia kuasa Allahlah.

P: Ha...?

- PK1: Tak, bila dekat tengah laut tu macam-macam ujianlah yang nelayan kena hadapi. Angin kuat, ombak deras. Biasanya nelayan tu naik bot kecil aja. Jadi bila ada angin sikit pun dia dah goyanglah.
- P: Iakah? Mana pula Kasim tahu tu?
- PK1: Ini cerita biasalah Cikgu.
- P: O...cerita biasalah bagi Kasim?
- P: Tadi, masa kawan baca kenapa Kasim tak ikuti bacaannya?
- PK1: Saya baca dulu, nanti bila Cikgu soal senanglah saya jawab. Lagipun, ha...lepas saya baca soalan tu, bila kawan saya baca saya tahu dekat mana nak cari jawapan nanti.
- P: Macam mana pula tu?
- PK1: Saya baca dekat tempat dialah.
- P: Tempat apa tu?
- PK1: Bahagian yang berkaitan dengan soalan tulah.
- P: Kenapa tak baca semua.
- PK1: Buang masa aja.
- P: Kenapa menjawab soalan tu begitu penting bagi Kasim.
- PK1: Dah tu dalam buku ni memang ada soalan. Lagipun memang biasanya lepas baca Cikgu mesti tanya punyalah.
- P: O...Cikgu tak pernah tak soallah?
- PK1: Kadang-kadang ada juga Cikgu suruh kita buat soalan dan tanya kawan.
- P: Tadi macam mana Kasim prosakan sajak tu?
- PK1: Saya ambil ayat mula tu ha..."Di pantai ini kau dilahirkan" tu saya tukarkan jadi ha..."Penulis dilahirkan di sini". Ambil perkataan dari ayat tu sikit aja.
- P: Kenapa Kasim ubah pula?
- PK1: Sebab ni penulis yang menceritakan ni. Maksud saya cerita ini ialah tentang pengalaman penulis. Bukan pengalaman saya.
- P: O...jadi tak boleh kata akulah?
- PK1: Tak boleh.

P: Mana tahu tu?

PK1: Saya belajar dekat Mak saya.

P: Emak Cikgukah?

PK1: Tak emak saya suri rumah.

P: Suri rumah.

PK1: Tapi dia lulus SPM.

P: Iakah? Apa yang emak Kasim ajarkan tu?

PK1: Mak kata kita ambil ayat ni sikit, kita fahamkan dulu. Ha... kita baca banyak-banyak, fahamkan. Ha... tu buat ayat sendiri. Ambil perkataan aja.

P: O... macam tu. Jadi perkataan tu pula mana yang nak tahu mana nak diambil?

PK1: Ha... ni, ini ha... pantai tak ambil. Ha... dilahirkan ambil. Ini dilahirkan.

P: Kenapa pula Kasim pilih kata tu?

PK1: Sebab kita nak ceritakan balik. Macam saya kata tadi, sajak ni biasanya menceritakan tentang pengalaman seseorang penulis. Jadi dalam ayat satu tu yang penting ialah kata ‘dilahirkan’ dan macam kata ‘di pantai’ tu kita boleh tinggalkan.

P: O... macam tu. Lepas tu?

PK1: Saya buat dalam ayat saya sendirilah, ha... ‘penulis dilahirkan di sebuah kampung nelayan’ misalnya.

P: O... macam tu. Terima kasih ya Kasim.

Contoh Temu bual dengan Peserta Kajian 2

Tarikh: 10 Mac 1998  
 Hari: Selasa  
 Waktu: 9.10 – 10.10  
 Tajuk: Memahami Puisi: Sajak.  
 Sumber: Buku Motivasi BM.

P: Tadi Salmah belajar apa ?

PK2: Hari ni saya belajar tentang puisi.

P: Puisi?

PK2: Ha...a...belajar tentang sajak, sajak nelayan.

P: Tadi masa kawan baca, kenapa Salmah tak dengar?

PK2: Saya suka baca dulu sebab nakkan pemahaman yang lebih. Lepas habis baca saya dengarlah kawan saya baca.

P: Pemahaman lebih yang macam mana tu?

PK2: Saya dah tahu cerita tu dulu.

P: Kalau dah tahu kenapa pula?

PK2: Nanti bila saya dengar kawan saya baca lagi, saya lebih fahamlah.

P: Lebih faham apa tu?

PK2: Saya tahulah sajak tu menceritakan tentang kesusahan hidup nelayan dan mereka nak ubah cara hidup mereka kepada industri pelancongan pula.

P: O...macam tu. Ha... bagi Salmah apa bezanya sajak ni dengan petikan hari tu?

PK2: Beza dia hem sajak ni ada, hem... dia tak ada terus menerus. Maksud saya tulisan dia tu tak bersambung-sambung macam dalam satu perenggan.

P: Tak ada terus menerus macam mana tu?

PK2: Macam "Di pantai ini aku dilahirkan. Dia tak terus-menerus dalam satu ayat.

P: Ha...?

PK2: Ayatnya tak bersambung. Cara dia menulis tu. Macam kalau rencana tu,

dia terus menerus sampai habis barisan ni (sambil menunjuk) tapi sajak dia habis kat ni aje.

P: Tadi saya tengok masa kawan baca, Salmah dah baca dulu. Kenapa tak dengar mereka baca?

PK2: Sebab kalau saya baca sekali saja, mungkin ada yang saya tak faham. Bila saya dengar kawan-kawan baca lagi sekali, faham lagi. Kalau kita dengar sekali aje mungkin tak faham lagi.

P: Habis kalau tak baca dulu tetapi Cikgu terus suruh murid-murid baca dengan nyaring ikut giliran, Salmah tak fahamlah?

PK2: Rasanya tak faham sangatlah sebab apa untuk faham kita kena ulang-ulangkan.

P: Ulang-ulangkan?

PK2: Ulang-ulang baca.

P: Macam mana pula tu?

PK2: Tak ada, mungkin ha... pemahaman kita yang pertama dengan yang kedua tu lain sikit.

P: Lain?

PK2: Macam masa saya baca kali pertama tadi, saya tak faham maksud "berani mati bertarung maut".

P: Habis bacaan kali kedua?

PK: Bila kawan baca, lepas tu Cikgu terangkan lagi, barulah saya faham.

P: O... baca sendiri aje tak boleh fahamlah?

PK2: Tak boleh.

P: Kenapa?

PK2: Kita baca pun sama aje. Cikgu terangkan barulah saya faham.

P: Iakah? Tadi masa jawab soalan satu Salmah cepat angkat tangan.  
: Macam mana dapat jawapan tu?

PK2: Berpandukan sajak tu kan dia kata "suka duka tiap pengalaman, kuhadapi penuh cabaran, anak warisan nelayan, berani mati bertarung maut". Situ ada kata "anak warisan nelayan kan".

P: Habis tu?

PK2: Hem... soalan dia pun ada kata "anak warisan nelayan kan" Dalam

jawapan B tu dia kata ha...” banyak pengalaman dan cabaran”. Jadi saya pilih B lah.

P: O... macam tu. Ha...untuk soalan 2 pula macam mana Salman cari jawapan dia?

PK2: Macam tadi jugalah. Dalam soalan tu ada kata “berani mati bertarung maut”. Dalam ni (sambil menunjukkan satu bahagian petikan) pun ada kata “bertarung maut”. Lepas tu kalau A tu ada kata pengalaman tu saya rasa tak sesuai. Lepas tu “darah nelayan yang mengalir “ tu tak ada kena mengena.

P: Mana tahu tak ada kena- mengena?

PK2: Sebab dia kata “berani mati bertarung maut” makna dia ha...apa ni ha...macam cekallah.

P: Cekallah?

PK2: Jawapan C tu “cekal dan tabah menghadapi cabaran dan dugaan” tu ada dalam perenggan kedua.

P: Ayat yang mana tu?

PK2: Ni “kuhadapi penuh cabaran” dan “mendepani cabaran”. Dalam D ni pula dia cerita tentang pengalaman aja. Lagipun dalam ni pun ayat dia tu tak sama.

P: Soalan 3 tadi Salmah nampak macam susah nak jawab. Kenapa ?

PK2: Sebab ada banyak jawapan yang dekat-dekat.

P: Banyak jawapan?

PK2: Macam jawapan A tu boleh jadi betul juga sebab dekat sini pun dia ada katakan “akan aku bina satu kemahuan”.

P: Dekat mana tu?

PK: Dalam perenggan tiga tu.

P: Habis tu kenapa pula?

PK2: Tak adalah, dekat situ dia tulis menarik pelancong datang tapi dia tak tulis apa benda yang menyebabkannya. Jadi mungkin B pula.

P: Jadi jawapan mana yang Salmah pilih?

PK2: Jawapan B itulah.

P: Habis kenapa tandakan jawapan C pula ni?

PK2: Sebab “majority” murid kata C.

P: Sebab apa pula C?

PK2: Tulah saya rasa tak sesuai C.

P: Sebab apa tu?

PK2: Sebab ayat memajukan kawasan pantai dengan sistematik tu saya rasa lebih am.

P: Lebih am?

PK2: Ha...a....

P: Jadi kenapa Salmah tak beritahu Cikgu tadi?

PK2: Tak sempat tadi.

P: O...tak sempat. Soalan empat tu tadi saya tengok macam senang aje. Macam mana Salmah cari jawapan dia?

PK2: Daripada kata “kemiskinan” tu ha...dia kata tidak. Tidak tu kita carilah kata yang berlawanlah.

P: Kata berlawan?

PK2: Ha...a...sebab apa dia kata tadi “tidak hidup dalam kemiskinan” kan?

P: Ha..a....

PK2: Jadi kata cari kata lawan untuk miskinlah.

P: Kata lawan untuk miskin?

PK2: Ha...bila dia kata “tidak hidup dalam kemiskinan” tu kita berilah alasan kenapa dia nak kaya.

P: O macam tu. Bahagian memberi pendapat tu macam mana pula?

PK2: Bagi saya soalan tu mudah nak dijawab sebab dia ada banyak jawapan.

P: Banyak jawapan?

PK2: Dekat sini dia kata memajukan tapak ha...tapak kelahirannya, untuk menarik pelancong datang, dan untuk menambahkan pendapatan anak watan.

P: Kenapa tak beri jawapan sendiri, ha...kena tengok teks tu?

PK2: Sebab dalam soalan tu dia tanya tentang hasrat penulis bukan hasrat kita.

P: O.... Habis macam mana nak cari pendapat penulis tu?

PK2: Ha...macam saya kata tadi, jawapan dia banyak. Ada dalam perenggan tiga sikit, perenggan empat sikit. Bersepah-sepah.

P: Dalam perenggan 4 pun ada jawapan dia?

PK2: Ada, supaya semua penduduk di pulau itu tak hidup kemiskinanlah.

P: Kalau dah banyak, Salmah pilih jawapan yang mana?

PK2: Saya pilihlah satu.

P: O...macam tu. Ha nak cari isi penting tu macam mana pula?

PK2: Nak cari isi penting sajak ni biasanya susah sikit.

P: Kenapa susah?

PK2: Sebab kita kena tukarkan ayat dia.

P: Tukar ayat?

PK2: Ialah bila kita dah dapat isi penting dia tu, kita kena tukar ayat yang penulis gunakan itu kepada ayat kita sendiri.

P: Macam mana tu?

PK2 Macam “Di pantai ini aku dilahirkan” jadi takkan kita nak kata “Di pentai ini aku dilahirkan” juga.

P: Habis tu nak buat macam mana?

PK2: Ha...jadi dari sajak tu kita tahu penulis dilahirkan di perkampungan nelayan kan. Jadi kita tulislah penulis itu dilahirkan di sebuah kampung nelayan.

P: O...kenapa tak boleh tulis aku dilahirkan?

PK2: Sebab cerita tu penulis yang ceritakan, bukan kita. Jadi bila kita nak tulis, kita kena tukarkan kepada peny=ulislah.Ha...kena tukarkan ayat tu baru betul.

P: Mana nak tahu ayat mana yang hendak dipilih?

PK2: Mula-mula kita baca dulu. Lepas tu kita fahamkan.

P: Fahamkan?

PK2: Ha...a...kita baca dulu. Lepas tu setiap perkataan tu kita mesti faham apa dia. Ha...lepas tu kita ha...bayangkan misal kata tempat tu. Misalnya kampung nelayan tu

macam mana tempat tu kan?

P: Bayangkan?

PK2: Saya bayangkan penderitaan kehidupan kaum nelayanlah.

P: Kenapa bayangkan hidup nelayan itu susah?

PK2: Tu dalam sajak tu ada tulis.

P: O....Berapa isi penting ada dalam sajak tu?

PK2: Biasanya dalam satu perenggan tu ada satu atau lebih. Tapi soalan tu nak Tiga, jadi saya beri tiga ajalah.

P: Jadi isi yang mana yang Salmah pilih?

PK2: Mula-mula saya ambil isi yang berkaitan dengan suka duka kehidupan nelayan yang penuh cabaran dan harapan nelayan.

P: Sebab apa Salmah pilih yang tu?

PK2: Sebab ia merupakan pucuk pangkal cerita tu.

P: Pucuk pangkal?

PK2: Misalnya ayat "Di pantai ini aku dilahirkan, ada angin menerpa". Ni macam suasana pula. Suasana tu tak sesuai sebab apa kalau isi penting selalunya cerita tentang pengalaman.

P: Tentang pengalaman?

PK2: Sebab biasanya sajak ni menceritakan tentang pengalaman penulis kan?

P: Ha...a...habis tu dalam perenggan kedua ayat mana pula yang ada cerita tentang pengalaman penyajak?

PK2: Saya pilih ayat kedua, ketiga, dan ayat kelima.

P: Sebab apa pilih ayat itu?

PK2: Sebab ayat "di tapak ini penuh kenangan" tu tak ada apa yang kita nak buat isi pentingnya. Kalau kita tukar ayat dia pun mungkin tak sesuai.

P: Kenapa tak sesuai pula?

PK2: Tak begitu pentinglah. Tapi ayat dua tu ha..."suka duka tiap pengalaman" tu berkait dengan pengalaman suka duka penulis yang penuh cabaran dalam menghadapi kehidupan. Dua tiga ayat tu saya jadikan satu ayat.

P: Tadi saya tengok semasa memprosakan sajak tu, Salmah tengok buku

kawan sebelah. Sebab apa tu?

PK2: Saya tak tiru.

P: Tak tiru?

PK2: Tak ada, sebab saya punya panjang kan. Jadi saya tanya dia lah macam mana dia buat. Sebab dia punya pendek. Lepas tu saya tengoklah.

P: Lepas tengok tu buat apa?

PK2: Saya padam baliklah. Saya punya panjang sangat.

P: Kalau panjang kenapa pula?

PK2: Tak muat nak tulis.

P: O... lepas tu saya nampak tadi Salmah suka mencari dan menulis jawapan lebih awal dari kawan-kawan Salmah. Sebab apa tu?

PK2: Sebab kalau tulis sama-sama, nanti sama-sama angkat tangan. Cikgu tak pilih saya.

P: Sebab apa suka angkat tangan?

PK2: Saja nak tahu jawapan yang saya fikirkan tu betul atau tidak.

P: Cara- memprosa tu pernah belajar dulukah?

PK2: Belum lagi.

P: Belum lagi. Jadi macam mana Salmah memprosakan sajak tu tadi?

PK2: Macam saya kata tadi, kita tukarkan ayat. Macam kalau tak ada nama tu kita tulislah nama penulis.

P: Kenapa tulis nama penulis pula?


PK2: Sebab dekat sini dia kata macam "aku" tu kan sebenarnya penulis cakap pasal dia. Bila kita tulis "aku", kita cakap pasal kita. Jadi tak sesuai sebab penulis cakap pasal dia.

P: Dari mana Salmah belajar tu?

PK2: Tahu sendirilah. Tapi tadi pun Cikgu ada cakap sikit kan.

P: Baiklah Salmah, terima kasih ya.

## LAMPIRAN D

Contoh Latihan Bertulis Peserta Kajian 1

## MEMBERI PENDAPAT



**Baca dan fahami petikan di bawah.**

22.17 Menyesuaikan kadar dan nada membaca daripada pelbagai bahan seperti cerita, keterangan, puisi, dialog, dan ucapan.



Anak Malaysia sekali lagi mencatat sejarah apabila mendapat pengiktirafan dunia untuk memimpin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Tan Sri Razali Ismail telah dilantik menjadi Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA). Beliau dicalonkan oleh negara-negara Asia kerana kini giliran mereka untuk memilih presiden.

Beliau yang menjadi duta Malaysia di PBB sejak tahun 1988 telah mendapat sokongan sebulat suara untuk menjadi presiden. Beliau seorang yang cerdik, berkebolehan tinggi dan mempunyai azam untuk melaksanakan kerja lebih daripada pemimpin lain. Beliau merupakan tokoh yang memang terkenal dengan sikap berterus-terang tentang segala isu yang dihadapi oleh PBB. Beliau sering mengkritik penguasaan kuasa besar dan memperjuangkan pembangunan serta menyokong isu-isu alam sekitar. Beliau mengkritik kuasa-kuasa besar berhubung dengan perlucutan senjata nuklear kerana mereka memanipulasikan seluruh proses perlucutan senjata nuklear untuk memenuhi agenda mereka sendiri.

Tugas baru beliau tertumpu pada usaha meningkatkan pengaruh perhimpunan agung 185 kerusi. Ini kerana sejak kebelakangan ini pengaruh perhimpunan lebih dibayangi oleh Majlis Keselamatan yang mempunyai 15 anggota. Seterusnya, perhimpunan agung cuba menangani krisis kewangan PBB, terutamanya hutang negara Amerika Syarikat yang berjumlah RM4 bilion. Akibat krisis kewangan ini operasi pertubuhan itu hampir-hampir lumpuh pada tahun lepas.

Dengan perlantikan Tan Sri Razali Ismail, Malaysia yang sering kurang puas hati dengan perjalanan PBB akan memanfaatkan pemilihan wakil tetapnya untuk



Anak Malaysia mampu memimpin badan dunia dengan tanggungjawab dan cemerlang.



Cabar Minda  
Apakah yang kamu tahu tentang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?

**Bahasa Malaysia Tahun 5 KBSR Unit 22(4) Mamberi Pendapat**

mengkaji membaiki badan dunia itu. Ini meletakkan Malaysia dalam satu kedudukan yang membolehkannya mempengaruhi perjalanan PBB. Beliau juga menggesa negara-negara anggota supaya berusaha mencari penyelesaian isu kemiskinan, kemerosotan kualiti alam sekitar, perlucutan senjata serta pembangunan sosial termasuk hak asasi manusia.



**Jawab soalan di bawah.**

22.21 Menulis jawapan ketahaman berdasarkan bahan yang dibaca.

1. Mengapakah anak Malaysia mencatat sejarah dunia?
  - A Kerana menjadi pemimpin dunia
  - B Kerana dilantik sebagai Presiden Perhimpunan Agung PBB
  - C Kerana dipilih oleh negara-negara Asean
  - D Kerana menjadi ketua Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
  
2. Berapa lamakah Tan Sri Razali Ismail menjadi duta Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?
  - A Selama 88 tahun
  - B Selama 12 tahun
  - C Selama 9 tahun
  - D Selama 8 tahun
  
3. Bagaimanakah Tan Sri Razali Ismail dipilih menjadi Presiden Perhimpunan Agung PBB?
  - A Dipilih oleh negara-negara Asia kerana kebolehannya
  - B Dipilih kerana cerdik dan kebolehannya
  - C Dipilih kerana tiada calon lain yang layak
  - D Dipilih kerana suka mengkritik beberapa dasar PBB
  
4. Pada pendapat kamu, mengapakah PBB dibayangi oleh 15 negara anggota yang menganggotai Majlis Keselamatan?

Pada pendapat saya, PBB dibayangi oleh 15 negara anggota yang menganggotai Majlis Keselamatan kerana terdiri daripada kuasa-kuasa besar dunia.

5. Pada pendapat kamu, mengapakah PBB menghadapi krisis kewangan?

Pada pendapat saya, PBB menghadapi krisis kewangan kerana telah bers hutang dengan Amerika Syarikat sebanyak RM 4 bilion.

**CEPU BAHASA**

mencatat	=	mengukir
dicalonkan	=	dipilih
sokongan	=	bantuan
azam	=	hasrat
ieu	=	perkara



### Senaraikan kata ganda dalam petikan di atas.

20.20 (b) Menyenaraikan jenis-jenis perkataan berganda daripada perkataan bacaan.

1. Negara-negara
2. Berterus-terang
3. Bangsa-Bangsa
4. hampir-hampir
5. isu-isu



### Berikan pendapat kamu berdasarkan pernyataan di bawah.

22.4 Memberikan pendapat mengenai cerita.

Tan Sri Razali telah mengharumkan nama Malaysia kerana

1. telah menjadi Presiden Perhimpunan Agung PBB yang telah dilantik oleh negara-negara Asia.
2. telah meletakkan Malaysia dalam satu kedudukan yang membolehkan mempengaruhi perjalanan PBB.
3. Beliau merupakan anak Malaysia pertama yang dilantik menjadi Presiden Perhimpunan Agung PBB.



Sebagai seorang pemimpin di sekolah, kamu telah diminta memberi nasihat kepada rakan-rakan yang lain untuk menjadi pelajar yang dihormati. Huraikan.

22.25 Menulis pesanan-pesanan yang hendak dibuat.

1. Mengabdi Mengikut peraturan sekolah
2. Menjaga kebersihan diri dan sekolah
3. Menghormati orang yang lebih tua dari kita

Contoh Latihan Bertulis Peserta Kajian 2



## MEMAHAMI PANTUN



Baca pantun di bawah dengan intonasi yang sesuai.

22.17 Menyesuaikan kadar dan nada membaca daripada berbagai-bagai bahan seperti cerita, keterangan puisi, lakonan, dialog, ucapan, peribahasa, dan perulusan.



Berbaju kebaya sungguhlah cantik,  
Bertudung biru tambah menawan;  
Membaca buku amalan yang baik,  
Untuk pengetahuan pada masa hadapan.



Sirih seurat sirih bertemu,  
Berimbun-rimbun hingga melempai;  
Menuntut ilmu janganlah jemu,  
Semoga cita-cita akan tercapai.



Bermudik ke Giri Pulau Berua,  
Singgah bermalam di Pulau Betawi;  
Hidup berbakti tanggungjawab kita semua  
Keutamaan diberi kepada ibu pertiwi.



Indah sungguh pohon siantan,  
Bunganya dipetik dijadikan jambangan;  
Kemajuan negara mesti diutamakan,  
Agar Wawasan 2020 mencapai kejayaan.

Mengail sepat menjaring tenggiri,  
Dimasak gulai anak Feringgi;  
Teknologi maklumat harus dipelajari,  
Semoga anak watan tidakkan rugi.



Seliap individu mempunyai tanggungjawab yang perlu dipikul. Sama ada tanggungjawab ke atas diri sendiri, ibu bapa, masyarakat, dan negara.



Cabaran Minda  
Apakah sumbangan kamu kepada negara?

**Bahasa Malaysia Tahun 5 KBSR Unit 22(10) Memahami Pantun**

**Jawab soalan di bawah.**

22.21 Menulis jawapan kosahaman berdasarkan bahan bacaan yang dibaca.

1. Mengapa tabiat membaca perlu disemai di kalangan pelajar?

- A Negara akan bertambah maju pada masa hadapan
- B** Pengetahuan dan pengalaman pelajar akan bertambah
- C Satu amalan yang mudah dilakukan oleh pelajar
- D Pelajar dapat berbakti kepada bangsa dan negara

2. Bagaimanakah ilmu membantu pelajar?

- A Untuk berbakti kepada ibu bapa
- B** Untuk mencapai cita-cita pada masa hadapan
- C Untuk mencapai Wawasan 2020
- D Untuk berkhidmat kepada negara

3. Apakah maksud anak watan dalam petikan di atas?

- |                        |                   |
|------------------------|-------------------|
| A Anak bangsa          | C Anak didik      |
| <b>B</b> Anak Malaysia | D Pelajar sekolah |

4. Apakah lambang sesebuah negara?

Lambang negara ialah bendera dan jata.

5. Sebagai menyahut seruan penulis, apakah sumbangan yang dapat kamu hulurkan?

Sumbangan yang dapat kami hulurkan ialah belajar dengan rajin dan bersungguh-sungguh.

**CEPU BAHASA**

amalan	- perbuatan
jemu	- bosan
berbakli	- berjasa
jambangan	- jambangan bunga
menjaring	- menangkap
watan	- tanah air



**Tulis lima perkara penting daripada pantun di atas.**

22.3 Mencari dan mengumpul istilah yang berkaitan dengan lauk.

1. Membaca buku adalah suatu amalan yang baik.

2. Janganlah kita jemu menuntut ilmu dan berharap cita-cita kita akan tercapai.

3. Tanggungjawab kita ialah hidup berbakti untuk kelebihan ibu pertiwi.

Bahasan Malaysia Tahun 5 KBSR Unit 22(10) Masa hadir Pantun

4. Kemajuan negara berdatuk, kita utamakan supaya Wawasan 2020 akan tercapai.
5. Teknologi maklumat harus kita pelajari supaya kita tidak akan mengesal.



Berikan pendapat kamu tentang perkara-perkara berikut.

22.4 Memberikan pendapat tentang isi sasaran cerita.

1. Membaca buku amalan yang baik.

Membaca buku adalah satu aktiviti yang baik supaya kita dapat mencapai ciri-ciri kita serta memperbaiki ilmu pengetahuan.

2. Keutamaan berbakti diberikan untuk negara.

Keutamaan berbakti diberi untuk negara supaya Wawasan 2020 tercapai.

3. Matlamat Wawasan 2020 mesti diberi sokongan.

Matlamat Wawasan 2020 mesti diberi sokongan supaya negara kita maju dalam semua bidang.

4. Teknologi maklumat harus kita pelajari.

Teknologi maklumat harus kita pelajari supaya anak-anak tidak teringgalan dan akan menjadi pemimpin negara.

5. Kemajuan negara mesti diutamakan.

Kemajuan negara mesti diutamakan supaya negara kita tidak dipandang rendah dan tetaplah dalam kiring-kiring. Kiring-kiring tersebut.